TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH

PRESIDEN ANGKASA

MAJLIS SANJUNGAN LAMBAIAN KASIH

30 JANUARI 2026 (JUMAAT)

3.00 PETANG

AUDITORIUM ANGKASA

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini dalam Majlis Sanjungan Lambaian Kasih bagi meraikan tiga orang kakitangan yang telah sekian lama berkhidmat dan menabur bakti

kepada ANGKASA, iaitu Tuan Haji Hasnan Mustapha, Tuan Haji Ahmad Marzuki Ismail dan Dr. Noraini Mohamad.

2. Majlis pada hari ini merupakan majlis penghargaan rasmi ANGKASA kepada tiga – tiga individu ini yang telah mencurahkan tenaga, pemikiran, kepakaran serta pengalaman mereka demi pembangunan organisasi dan juga gerakan koperasi negara sepanjang tempoh perkhidmatan masing-masing.

3. Untuk makluman semua, perjalanan kerjaya Tuan Haji Hasnan Mustapha di ANGKASA bermula pada tahun 2000. Beliau menyertai ANGKASA sebagai Ketua Bahagian Pelajaran, Penerangan, Penerbitan dan Perkhidmatan, yang menjadi titik mula kepada sumbangan besar beliau dalam organisasi.

4. Sepanjang perkhidmatannya Tuan Haji Hasnan telah memegang pelbagai jawatan penting termasuk sebagai Ketua Bahagian Strategik yang merangkumi pengurusan KPI, penyelidikan, galeri dan pusat sumber. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar Bahagian Perladangan, Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum diamanahkan sebagai Pengurus Besar Bahagian Sekretariat.

5. Kemuncak kepada kerjaya beliau adalah apabila dilantik sebagai Setiausaha Eksekutif ANGKASA bermula tahun 2021, yang menjadi penutup kepada khidmat bakti beliau sehingga saat persaraan.

6. Seterusnya, kita turut meraikan persaraan Yang Dihormati Tuan Haji Ahmad Marzuki Ismail, Pengurus Besar Bahagian Pendidikan dan Perniagaan. Kepakaran utama beliau adalah

dalam pembangunan koperasi sekolah, satu bidang yang menjadi nadi penting kepada usaha memupuk budaya berkoperasi sejak di bangku persekolahan.

7. Melalui kepimpinan beliau pelbagai program pemerkasaan koperasi sekolah telah berjaya dilaksanakan di seluruh negara. Usaha gigih beliau dalam membimbing guru dalam hal koperasi, melatih kepimpinan pelajar koperasi serta memperkukuh pengurusan dan perniagaan koperasi sekolah telah memberi impak besar kepada pembangunan generasi muda koperasi.
8. Tidak ketinggalan kita juga menghargai jasa dan bakti Yang Berbahagia Dr. Noraini Mohamad, Pengurus Besar Bahagian Antarabangsa. Beliau telah banyak menyumbang dalam memperkukuh hubungan ANGKASA di peringkat

global serta mengangkat nama gerakan koperasi Malaysia ke pentas antarabangsa.

9. Di bawah kepimpinan Dr. Noraini, ANGKASA berjaya memperluas jaringan kerjasama dengan pelbagai organisasi koperasi dunia serta meningkatkan program kolaborasi strategik.

10. Perjalanan kerjaya ketiga-tiga kakitangan ini jelas membuktikan bahawa mereka merupakan tonggak penting dalam pembangunan ANGKASA. Dedikasi, ketekunan dan kesetiaan mereka kepada organisasi telah memberi impak yang besar kepada kemajuan ANGKASA dan juga gerakan koperasi negara.

11. Banyak dasar, program serta inisiatif yang dilaksanakan ANGKASA pada hari ini mendapat sentuhan idea

daripada mereka. Sumbangan mereka telah membantu memperkukuh tadbir urus serta keberkesanan peranan ANGKASA sebagai badan puncak gerakan koperasi.

12. Bagi pihak kepimpinan tertinggi dan seluruh warga ANGKASA, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala jasa, pengorbanan serta sumbangan besar yang telah diberikan oleh Tuan Haji Hasnan Mustapha, Tuan Haji Ahmad Marzuki Ismail dan Dr. Noraini Mohamad sepanjang perkhidmatan mereka.

13. Kami mendoakan agar ketiga-tiga mereka sentiasa diberikan kesihatan yang baik, ketenangan jiwa serta kebahagiaan bersama keluarga tercinta. Semoga segala jasa bakti yang telah dicurahkan diberkati dan mendapat ganjaran sebaik-baiknya daripada Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah.